



## SIARAN MEDIA

### PENERIMA ANUGERAH TOKOH MAAL HIJRAH 1446H PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

---

#### Biografi Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin

##### Latar Belakang

Dilahirkan pada 11 Januari 1951, Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin merupakan anak jati Negeri Sembilan yang berasal dari Jempol. Beliau merupakan pengasas dan pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak KITA ditubuhkan pada Oktober 2007. Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin mendapat pendidikan menengah di Maktab Tentera Diraja (1966-1969) sebelum menyambung pengajian dalam bidang Antropologi dan Sosiologi di Universiti Malaya. Pada tahun 1973, beliau telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera (*Bachelor of Arts*) dan dalam masa yang sama telah berjaya memenangi Hadiah Buku untuk Graduan Terbaik di Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian di peringkat sarjana di Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1976. Semangat cintakan ilmu membuatkan beliau terus tekal untuk melanjutkan pelajaran keluar negara dalam bidang Antropologi Sosial di Monash University, Melbourne, Australia sehingga dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah pada tahun 1983.

##### Kesarjanaan dan Kepakaran

Kini, beliau merupakan salah seorang daripada lima sahaja tokoh akademik yang dilantik sebagai Profesor Ulung di Malaysia bermula pada September 2010 dan akan terus menyumbang sehingga 2025. Anugerah Profesor Ulung ini merupakan pengiktirafan akademik tertinggi di Malaysia dalam memartabatkan ketokohan dan kesarjanaan beliau dalam bidang Sains Sosial merentasi cabang ilmu pengetahuan dan memenuhi tuntutan advokasi awam serta impak pemikiran dan pandangan beliau dapat diterjemah dan digunapakai oleh masyarakat. Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri telah diberi penghormatan untuk menjadi Penyandang Kursi UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation*) dalam bidang "Amalan Sosial dalam Komunikasi Antara Budaya dan Kesepaduan Sosial," suatu bidang yang diperakukan oleh UNESCO sebagai bidang kepakaran beliau.

Berikut adalah fokus bidang penyelidikan, penulisan keserjanaan akademik beliau:

1. Politik, pembangunan dan budaya; tumpuan empirikal di wilayah Selatan.
2. Identiti, etnik dan bangsa; tumpuan empirikal ke atas Asia dan Eropah.
3. Revitalisasi dan Pemodenan Agama; tumpuan empirikal di Asia Tenggara.
4. Institusi dan dunia intelektual; tumpuan empirikal di Asia Tenggara dan Eropah.

### **Perjalanan Kerjaya**

Kerjaya Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin sebagai ahli akademik bermula di Universiti Malaya apabila beliau telah dilantik sebagai tutor di Jabatan Antropologi dan Sosiologi dari 1973 ke 1975. Setelah itu, beliau berhijrah ke Universiti Kebangsaan Malaysia apabila dilantik menjadi pensyarah bermula 7 Mei 1976. Beliau seterusnya dianugerahkan Profesor Madya pada 1 Januari 1984 atas kecemerlangan akademik yang telah beliau serlahkan. Pada 16 Ogos 1991, beliau dianugerahkan pula jawatan Profesor dalam bidang Antropologi Sosial sebagai pengiktirafan kepakaran beliau.

Sepanjang kerjaya Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri, beliau telah menjawat beberapa jawatan penting di Universiti Kebangsaan Malaysia antaranya:

1. Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Mac 1997 hingga Mac 1999.
2. Pengarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu, 1 April 1999 hingga 10 Januari 2007.
3. Pengarah, Institut Kajian Oksidental (IKON), 1 Oktober 2003 hingga 31 Disember 2007.

Selain itu, kecemerlangan beliau terus dihargai oleh pelbagai pihak dari dalam negara. Antara anugerah yang telah diperoleh ialah:

1. Anugerah Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T), Negeri Sembilan, 1992.
2. Anugerah Kehormat Dato' Mahkota Mindanao (DMM) oleh *The Royal Mindanao-Malaysia Friendship Society*, 1999.
3. Anugerah Darjah Dato' Setia Negeri Sembilan (DSNS), 2001.
4. Anugerah Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N) oleh Yang di-Pertuan Agong Malaysia, 2007.
5. Anugerah Profesor Ulung oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2010.

Di samping itu, kecemerlangan beliau turut diakui di peringkat antarabangsa. Antara kedudukan dan anugerah antarabangsa yang diterima beliau ialah:

1. *Member, Policy Advisory Committee WOTRO (The Netherlands Foundation for the Advancement of Tropical Research) oleh Netherlands Organization for Scientific Research, 2003-2005.*
2. Anugerah Felo Kehormat, Monash Asia Institute, Monash University, Australia. 2007.
3. Anugerah Buku Akademik Terbaik oleh ASEAN *Book Publishers Association* (ABPA) ISEAS, Singapore, 2007.
4. Anugerah Akademik Terbaik oleh Fukuoka Asian Cultural, Jepun, 2008.
5. *Member, International Advisory Panel, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore. 2016-2019.*

Maka DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan telah berkenan untuk menganugerahkan Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin sebagai penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1446H Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus bagi tahun 2024 atas kepakaran, keserjanaan dan sumbangan yang tinggi dalam bidang yang diceburi.

-Sekian-

**Jabatan Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Sembilan (JHEAINS)  
6 Julai 2024**